

Tugasan 2 Bahasa Melayu Sempena PKPB
Isnin, 23 November 2020

A *Dalam setiap ayat di bawah, terdapat **satu kesalahan tatabahasa**. Kenal pasti kesalahan tersebut dan tulis jawapan pada ruangan yang disediakan.*

i) Goreng pisang yang dijual oleh ibu Aini sangat enak dimakan.

ii) Hubungan di antara saya dengan dia telah lama terputus setelah kami menamatkan pengajian di universiti.

iii) Tuanku Sultan Johor dan Tuanku Permaisuri akan pergi melawat mangsa-mangsa banjir di sekitar kawasan Kota Tinggi.

iv) Sayur-sayuran segar yang mereka jual di pasar tani itu dijual dengan harga yang berpatutan.

B *Dalam setiap ayat di bawah, terdapat **tiga kesalahan ejaan**. Kenal pasti dan betulkan kesalahan tersebut dan tulis jawapan pada ruangan yang disediakan.*

Kita perlu mengambil sayur-sayuran hijau dan buah-buahan untuk memastikan bahawa kita mengamalkan diet yang seimbang. Ada dalam kalangan kita pula yang menggemari makanan yang telah diproses seperti mee segera dan makanan dalam tin. Makanan seperti ini kurang zatnya kerana telah melalui tempoh masa yang lama dan juga mengandungi bahan kimia. Oleh itu, pengambilan makanan yang segar amat penting untuk memastikan makanan tersebut membekalkan zat yang diperlukan oleh tubuh badan. Kita juga perlu mengawal atau mengurangkan pengambilan makanan dan minuman yang tinggi kandungan gula dan garamnya.

i) _____

ii) _____

iii) _____

Tugasan 2 Bahasa Melayu Sempena PKPB
Isnin ,23 November 2020

C *Kenal pasti subjek dan predikat dalam ayat-ayat tersebut.*

- i) Pasangan pengantin itu sedang bersanding di atas pelamin.

Subjek : _____

Predikat : _____

- ii) Anak Puan Kavitha lulus dengan cemerlang.

Subjek : _____

Predikat : _____

- iii) Bangunan Sultan Abdul Samad mercu tanda Kuala Lumpur.

Subjek : _____

Predikat : _____

- iv) Seluar adik terlalu longgar.

Subjek : _____

Predikat : _____

- v) Puan Saleha guru yang berdedikasi dan penyayang.

Subjek : _____

Predikat : _____

Tugasan 2 Bahasa Melayu Sempena PKPB
Isnin ,23 November 2020

- D** Lengkapkan ayat-ayat berikut dengan memilih jawapan yang **paling sesuai**.
1. Keropok yang dibelinya itu sedap dimakan kerana _____.
A reput
B rangup
C rapuh
D retas
 2. Ubi yang direbus oleh Najwa masih belum _____ kerana apinya terlalu perlahan.
A rangup
B empuk
C rapuh
D lembik
 3. Habis pakaiannya _____ akibat digigit oleh anjing yang garang itu.
A compang-camping
B comot-momot
C koyak-rabak
D serbah-serbih
 4. Ibnu Sina merupakan _____ Islam yang banyak menyumbangkan idea dalam bidang perubatan.
A ilmuwan
B karyawan
C budayawan
D hartawan
 5. Kerana sering kali _____ dirinya sebagai anak orang berada, dia kini dipulaukan oleh beberapa orang rakan sekelasnya.
A membesar
B memperbesarkan
C memperbesar
D membesar-besarkan
 6. “Mangsa bencana banjir akan dibantu melalui _____ yang diwujudkan”, kata wakil rakyat itu semasa menyampaikan ucapannya di hadapan para penduduk kampung.
A sumbangan
B simpanan
C derma
D dana
 7. Seorang nelayan yang sedang memancing terpepan apabila seekor buaya _____ ekornya.
A melipatkan
B melibaskan
C mengilaskan
D mengibaskan

Tugasan 2 Bahasa Melayu Sempena PKPB
Isnin, 23 November 2020

8. “Zarul, kamu berhak menyelesaikan masalah itu tetapi kamu mestilah berhati-hati agar tidak ada mana-mana pihak tersinggung,” kata Encik Haris kepada anaknya.
- A Menangguk di air keruh
 - B Sebelum ajal berpantang mati
 - C Sudah terhantuk baru terngadah
 - D Menarik rambut di dalam tepung
9. Peribahasa *seikat bak sirih, serumpun bak serai* bermaksud
- A Bersatu padu dalam segala hal
 - B Bergotong-royong melakukan kerja
 - C Ikatan yang kukuh adik-beradik
 - D Persahabatan antara rakan sebaya
10. Haikal yang selama ini hidup dalam serba kekurangan tiba-tiba menjadi orang yang dihormati di kampung itu setelah berkahwin dengan anak penghulu.
- Situasi di atas sesuai dengan peribahasa
- A cacing hendak menjadi naga
 - B kaduk naik junjung
 - C kera mendapat bunga
 - D anak kucing menjadi harimau
11. Peribahasa *bagai ada nasi di balik kerak* bermaksud
- A mempunyai maksud yang tersembunyi
 - B memiliki kelembutan di sebalik ketegasan
 - C menyembunyikan sesuatu daripada orang lain
 - D masih ada perkara yang belum selesai
12. Peribahasa yang berikut membawa maksud membuat dua tiga pekerjaan serentak **kecuali**
- A ke sungai sambil mandi.
 - B sambil berdiang nasi masak.
 - C sebagai condong ditumpil, lemah dilanduh.
 - D sekali membuka pura, dua tiga hutang berbayar.
13. Peribahasa yang boleh dikaitkan dengan sikap rela berkorban nyawa demi mempertahankan sesuatu yang hak ialah
- A hendak seribu daya tak hendak seribu dalih.
 - B biar putih tulang jangan putih mata.
 - C bagai cincin dengan permata.
 - D alah bisa tegal biasa.
14. Keadaan lelaki itu sangat miskin dan melarat bagai
- A anjing buruk kepala.
 - B gembala diberi keris.
 - C layang-layang putus tali.
 - D kerapak tumbuh di batu, hidup segan mati tak mahu.